

## **BAB III**

### **PEMBENTUKAN AKAD WAKAF**

#### **3.0. PENDAHULUAN**

Wakaf merupakan sebuah institusi yang mempunyai peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh peraturan syariah Islam. Terdapat peraturan yang disebut secara umum sahaja dalam al-Quran dan kemudiannya telah diperincikan oleh fuqaha' Islam. Dengan adanya peraturan yang lengkap mengenai wakaf membolehkan wakaf itu diuruskan dengan baik dan tidak tersasar daripada landasan yang telah ditetapkan. Secara terperinci mengenai peraturan-peraturan wakaf akan dibincangkan di bawah. Tujuan bab ini adalah untuk meneliti secara terperinci mengenai rukun-rukun wakaf iaitu pewakaf, penerima wakaf, barang yang diwakafkan dan *sighah*.

#### **3.1 WAKAF SEBAGAI SATU AKAD**

Di dalam melakukan wakaf, akad mestilah wujud untuk membolehkan wakaf itu diterima menurut Syarak. Dalam mempastikan akad itu sah, maka perlu ada rukun-rukun dan syarat-syarat wakaf. Seandainya hilang salah satu daripada rukunnya, dengan sendirinya wakaf itu terbatal. Begitu juga sekiranya, syarat-syarat di dalam setiap rukun tidak diikuti, maka wakaf itu menjadi tidak sah.

Terdapat empat perkara atau rukun dalam akad wakaf ini iaitu:<sup>1</sup>

- (a) Orang yang berwakaf (*wāqif*)
- (b) Orang yang menerima wakaf (*mawquf*)
- (c) Harta yang diwakafkan (*mawquf<sup>c</sup>alayh*)
- (d) Lafaz wakaf (*sighah*)

### 3.2 ORANG YANG MEWAKAFKAN (*WAQIF*).

Secara umumnya, seseorang yang hendak memberikan wakaf hendaklah seorang yang sah ibadatnya iaitu orang yang boleh dipertanggungjawab menguruskan sesuatu dan boleh menguruskan urusan tertentu.<sup>2</sup>

Maksud orang yang berwakaf ialah seseorang yang mempunyai harta dan mengeluarkannya ke jalan Allah s.w.t secara berkekalan, ia juga lebih dikenali dengan panggilan pewakaf atau *wāqif*.<sup>3</sup>

Wahbah al-Zuhayli menjelaskan syarat pewakaf adalah seperti berikut:<sup>4</sup>

- i. Seorang yang merdeka dan memiliki harta yang hendak diwakafkan. Maka tidak sah wakaf seorang hamba kerana hamba tidak ada kuasa pemilikan. Tidak sah mewakafkan harta yang bukan miliknya dan tidak sah mewakafkan harta yang dirampas.

- ii. Berakal, tidak sah wakaf seseorang yang gila kerana orang gila adalah orang yang hilang akal. Tidak sah juga wakaf orang yang kurang akalnya.
- iii. Baligh, tidak sah wakaf seorang kanak-kanak sama ada kanak-kanak itu *mumayyiz* (iaitu kanak-kanak yang sudah cerdik yang boleh membezakan di antara baik dan buruk) atau tidak.
- iv. Tidak sah wakaf daripada seseorang yang *safih* atau nyanyuk, muflis atau dungu di sisi jumhur.

Oleh itu jelaslah bahawa, pewakaf mestilah terdiri daripada orang yang berkelayakan iaitu tidak mempunyai kecacatan seperti yang diterangkan di atas, sekalipun adanya campurtangan daripada orang lain (pentadbir hartanya).

### **3.2.1 KEADAAN-KEADAAN PEWAKAF.**

#### **3.2.1.1 PEWAKAF YANG BUKAN ISLAM.**

Ulama Fiqh tidak berbeza pendapat sahnya wakaf orang yang bukan Islam kepada orang bukan Islam dan wakaf orang Islam kepada orang Islam kerana undang-undang wakaf tidak mensyaratkan orang yang memberi wakaf itu semestinya orang Islam. Walau bagaimanapun beberapa syarat telah dikenakan dalam pemberian wakaf. Mengikut mazhab Hanafi<sup>5</sup>, orang kafir *dhimmī* dan orang Islam tidak harus mewakafkan hartanya kepada orang kafir *mustā’min*.<sup>5</sup>

Menurut ulama daripada golongan Syafi'i, mereka mengatakan bahawa orang yang memberi wakaf itu tidak disyaratkan seorang yang beragama Islam. Alasan yang dikemukakan oleh mereka ialah, kesahihan wakaf itu bukanlah berdasarkan kepada kepercayaan (iman). Contohnya, seseorang yang bukan Islam memberikan wakaf untuk masjid adalah sah sekalipun ia tidak mempercayai wakaf itu sebagai suatu amalan kebijakan untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.<sup>6</sup>

Selain daripada itu, wakaf yang diberikan oleh orang bukan Islam adalah sah jika wakaf itu dipergunakan untuk tujuan yang tidak bertentangan dengan Islam,<sup>7</sup> seperti digunakan untuk buat gereja, biara dan sebagainya. Namun sah wakaf daripada orang kafir walaupun untuk membuat masjid, melainkan Abu Hanifah mengharamkan jika orang kafir berwakaf untuk masjid.<sup>8</sup> Manakala menurut golongan Malikiyah wakaf dari orang bukan Islam adalah harus selama mana tidak ditentukan untuk perkara maksiat sama ada kepada agama mereka atau agama Islam.<sup>9</sup>

### **3.2.1.2 WAKAF KETIKA SAKIT.**

Orang yang mewakafkan ketika sedang sakit yang berterusan yang tiada harapan untuk sembuh atau ia mewakafkan selepas mati maka tidak boleh melebihi satu pertiga bahagian daripada hartanya.<sup>10</sup> Apa yang difahami di dalam mewakafkan harta dihadkan hingga satu pertiga bahagian sahaja daripada harta yang dia miliki atau kurang daripada jumlah tersebut, tetapi jika lebih daripada satu pertiga maka wakaf itu tidak sah, sama seperti hukum wasiat. Perkara ini disandarkan kepada satu hadith yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin Abi Waqqas yang maksudnya:

*“Daripada Sa‘d Ibn Abi Waqqas r.a katanya, beliau bertanya kepada Rasulullah s.a.w. Apakah dia boleh mendermakan seluruh daripada harta yang dimilikinya? (kerana beliau mempunyai banyak harta dan tidak mempunyai waris kecuali anak perempuan) Rasulullah menjawab tidak boleh! Beliau bertanya lagi, apakah boleh satu perdua? Juga tidak boleh jawab baginda. Apakah boleh satu pertiga? Jawab Rasulullah terus berkata boleh itupun dah banyak. Sesungguhnya kamu tinggalkan keluarga kamu berharta, itu lebih baik daripada kamu tinggalkan keluargamu dalam keadaan papa yang meminta-minta kepada orang ramai”.*<sup>11</sup>

### **3.2.1.3 PENENTUAN SYARAT.**

*Wāqif* boleh menentukan syarat-syarat berhubung dengan pentadbiran harta wakaf itu selama ianya tidak bertentangan dengan syarak. Menurut pendapat Abu Yusuf, beliau mengharuskan *wāqif* menjadi pengurus bagi wakaf dirinya. Beliaulah yang paling berkuasa untuk menguruskan atau melantik sesiapa sahaja yang difikirkan patut dan sesuai untuk melaksanakan amanah tersebut.<sup>12</sup>

Sah wakaf sekiranya pewakaf mensyaratkan manfaat harta wakaf untuk dinikmati oleh ahli keluarganya, kerana Nabi s.a.w telah mensyarafkan sedemikian terhadap sedekahnya. Sekiranya disyaratkan untuk pengurus mengambil sebahagian daripada harta wakaf untuk digunakan untuk tujuan peribadi dan diberikan kepada rakannya, juga adalah harus kerana Saidina Umar r.a telah mensyaratkan demikian terhadap sedekahnya kemudian diperakui oleh Baginda s.a.w.<sup>13</sup>

Ringkasnya orang yang berwakaf boleh meletakkan syarat yang tidak boleh mengubah maksud sebenar wakaf sebagaimana yang telah ditentukan oleh syarak, kerana harta wakaf adalah selama-lamanya dan dianggap sudah menjadi kepunyaan Allah s.w.t.

### **3.3 ORANG YANG MENERIMA WAKAF (*MAWQŪF*).**

Wakaf yang diberikan harus ada penerima yang akan menerima manfaat harta wakaf itu. Pemberi wakaf berhak untuk menentukan pihak mana yang hendak diberikan harta itu. Dalam hal ini, adakahnya wakaf itu ditentukan penerimanya dan adakahnya hanya diberikan semata-mata untuk kebajikan. Oleh itu, dalam hubungan ini wakaf dengan penerimanya boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu (1) orang atau kumpulan tertentu dan (2) umum iaitu selain daripada mereka yang ditentukan.<sup>14</sup>

Pada amnya wakaf kepada orang atau kumpulan yang tertentu yang dikhaskan oleh orang yang mewakafkan itu mestilah ada tanda-tanda penerimaannya. Di antara syarat-syarat yang mesti ada pada penerima itu ialah (1) penerima itu mestilah seorang yang wujud (hidup) ketika wakaf itu dibuat, (2) ia juga boleh memiliki harta yang diwakafkan itu dan (3) wakaf itu bukan digunakan untuk tujuan maksiat.<sup>15</sup>

Ulama berbeza pendapat mengenai wakaf yang diberikan kepada orang perseorangan. Satu riwayat daripada mazhab Syāfi‘ī dan Hanbali berpendapat, bahawa orang yang menerima wakaf tidak disyaratkan adanya penerimaan kerana apabila diwakafkan kepadanya maka haknya tidak boleh digugurkan.<sup>16</sup>

Satu pendapat daripada golongan Maliki dan yang paling asah daripada golongan al-Syāfi‘ī berpendapat bahawa disyaratkan penerimaan daripada orang yang diberikan wakaf. Sekiranya ia menolak maka haknya gugur tetapi wakaf yang dibuat itu tidak terbatal.<sup>17</sup>

Pendapat yang kuat daripada golongan al-Syāfi‘ī dan mendapat sokongan daripada Ibn Hajar serta golongan Hanbalī berpendapat bahawa penerimaan daripada orang yang diberikan wakaf tidak menjadi syarat untuk menentukan haknya, tetapi penolakan daripadanya menyebabkan wakaf itu terbatal.<sup>18</sup>

### **3.3.1 WAKTU PERLAKSANAAN WAKAF.**

Wakaf kepada umum terlaksana apabila sesuatu yang diwakafkan itu dimanfaatkan oleh seseorang. Umpamanya tanah perkuburan yang mula dikebumikan di dalamnya. Penerimaan daripada seorang tersebut menandakan telah berlaku penerimaan oleh semua. Oleh yang demikian wakaf kepada umum ini hendaklah bebas daripada unsur-unsur maksiat.<sup>19</sup> Manakala golongan al-Hanafiah berpendapat wakaf kepada umum ini perlu juga kepada unsur-unsur penerimaan. Perkara ini mengikut kepada keadaan-keadaan tertentu, seperti wakaf masjid iaitu apabila ramai mengerjakan sembahyang di dalamnya. Perbuatan tersebut sudah cukup untuk menunjukkan penerimaan daripada semua golongan.<sup>20</sup>

### **3.3.2 PENERIMA HARTA YANG BELUM WUJUD.**

Semua fuqaha' bersepakat menetapkan syarat bahawa penerima wakaf itu hendaklah seorang yang mempunyai keahlian untuk memiliki dan menguruskan harta. Namun mereka berselisih pendapat terhadap penerima yang belum wujud dan penerima yang belum dikenal pasti serta diwakafkan kepada diri sendiri.<sup>21</sup>

Mengikut pendapat yang kuat dari mazhab Imam Abū Hanifah, sah wakaf kepada penerima yang diketahui atau tidak, Muslim, *dhimmi* atau majusi. Alasan mereka ialah majusi adalah ahli *dhimmah* dan mereka adalah golongan yang diberi perlindungan oleh pemerintah Islam, tetapi tidak sah wakaf daripada orang muslim atau *dhimmi* untuk rumah ibadat orang-orang Yahudi, Nasrani atau kafir *harbi*. Wakaf tersebut tidak sah disebabkan tidak wujud bentuk ibadat dari segi zatnya. Begitu juga tidak sah kafir *dhimmi* mewakafkan rumah ibadat tersebut kerana tidak menepati kehendak ibadat kepada Allah s.w.t dan di sisi Islam. Mengenai wakaf Muslim kepada kafir *harbi*, Islam melarang berbuat baik kepada mereka.<sup>22</sup> Ibn Qudamah menambah wakaf ke atas ahli *dhimmi* juga adalah sah, kerana mereka itu boleh memiliki kemulian dan boleh bersedekah kepada mereka seperti orang Islam. Perkara ini bersandarkan satu riwayat berkata bahawa Sufiah binti Hayy iaitu isteri Rasulullah telah mewakafkan kepada saudaranya yang berbangsa Yahudi.<sup>23</sup>

Sesetengah ulama mazhab Imam al-Syāfi'i mensyaratkan wakaf hendaklah kepada orang tertentu yang boleh menguruskan serta penerima wakaf itu wujud di alam nyata. Oleh itu tidak sah wakaf kepada orang yang belum wujud seperti anak dalam kandungan disebabkan janin tidak boleh memiliki pada waktu itu sama ada secara langsung atau tidak. Tidak sah wakaf kepada seseorang yang tidak diketahui, seperti wakaf kepada seorang lelaki yang tidak ditentukan atau kepada seorang yang akan dipilihnya, kerana wakaf adalah pemilikan yang ditentukan, maka tidak sah orang yang tidak diketahui. Perkara ini sama sahaja hukumnya dengan jualbeli dan hibah. Tidak sah wakaf kepada seorang hamba, sekalipun diberikan kepada tuannya melalui seorang hamba kerana hamba tidak mempunyai kelayakan untuk memiliki.<sup>24</sup>

Dalam perkara ini Imam Ahmad berpendapat, bagi orang yang berwakaf kepada hamba adalah tidak sah sehingga ia membebaskannya.<sup>25</sup>

### **3.3.3 WAKAF UNTUK DIRI SENDIRI.**

Ulama berbeza pendapat mengenai wakaf terhadap diri sendiri. Abū Yusuf berpendapat pewakaf boleh menerima manfaat wakaf sama ada keseluruhan atau sebahagian semasa hidupnya.<sup>26</sup> Walau bagaimanapun pendapat ini tidak dipersetujui oleh Muhammad Ibn al-Hasan kerana ianya tidak timbul unsur ibadah dan *qurbah* (mendekatkan diri kepada Allah).<sup>27</sup> Ibn Qudāmah menegaskan wakaf kepada diri sendiri adalah tidak sah kerana terdapat riwayat daripada Abī Talib yang mana beliau pernah ditanya tentang perkara ini, lalu beliau berkata aku tidak mengetahuinya tentang wakaf melainkan sesuatu yang dikeluarkan semata-mata kerana Allah. Mengikut pendapat ini wakaf kepada diri sendiri adalah tidak sah.<sup>28</sup>

Mengikut Abū Hanifah, wakaf dikira batal apabila diwakafkan untuk diri sendiri (pewakaf). Manakala wakaf kepada yang selainnya dikira sah, sama ada didahulukan wakaf untuk diri sendiri atau diakhirkan atau ditengahkan, seperti dikatakan “aku wakafkan untuk diriku, kemudian keturunanku, atau aku wakafkan untuk Zaid kemudian kepada diriku, atau aku wakaf untuk Zaid kemudian kepada diriku dan kemudian kepada Umar”.<sup>29</sup>

Jumhur ulama bersetuju seandainya yang mewakafkan itu termasuk ke dalam golongan orang yang dimaksudkan iaitu seperti pewakaf yang miskin, menuntut ilmu,

maka wakaf untuk diri sendiri adalah sah.<sup>30</sup> Berhubung dengan perkara ini, Abū Yusuf, Ibn Ḥazm dan golongan al-Zahīrī berpendapat harus pewakaf mewakafkan hartanya untuk diri sendiri sama ada seluruh atau sebahagian dari hartanya itu selama ia masih hidup.<sup>31</sup>

### 3.3.4 KEWAJIPAN ZAKAT.

Sekiranya harta wakaf itu telah menjadi hak penerima wakaf dan jika barang yang diwakafkan itu pokok serta ia memiliki buahnya maka wajib penerima wakaf mengeluarkan zakat kerana pemilikan ke atas harta itu sempurna.<sup>32</sup> Apabila hasil yang diperolehi oleh ahli wakaf lima *awṣuq* maka dikenakan zakat tetapi kalau diwakafkan ke atas orang miskin tidak dikenakan zakat. Mazhab al-Syāfi‘ī dan Imam Malik berpendapat, apabila wakaf itu pokok atau tanah yang boleh mengeluarkan hasil dan diwakafkan kepada kaum tertentu serta hasilnya cukup nisab maka dikenakan zakat. Tawus dan Makhul pula berpendapat mengenai perkara di atas tidak dikenakan zakat. Sebaliknya bagi Ibn Qudāmah berpendapat sesiapa yang berusaha pada bumi (tanah) akan dikenakan zakat apabila cukup nisabnya.<sup>33</sup>

Hasil perbincangan di atas boleh dibuat kesimpulan bahawa penerima wakaf itu mestilah dari golongan yang berupaya memiliki dan menguruskan harta, sama ada kepada penerima yang telah ditentukan atau tidak. Harta wakaf itu tidak digunakan untuk perkara maksiat, kerana perkara ini amat bertentangan dengan konsep wakaf itu sendiri, di samping itu penerima wakaf dikenakan zakat ke atas hasil wakaf yang cukup syarat-syaratnya.

### **3.4 BARANG YANG DIWAKAFKAN.**

Secara umumnya barang yang diwakafkan mestilah boleh digunakan untuk diambil manfaat keseluruhannya. Kebanyakan ulama menekankan pentingnya kriteria dalam bentuk benda, kerana wakaf berlainan dengan sedekah biasa iaitu pahala yang akan diperolehi oleh pewakaf akan berterusan selagi boleh digunakan.

Barang yang diwakafkan itu mestilah harta yang dimiliki sendiri oleh si pewakaf secara sah atau tetap.<sup>34</sup> Kebanyakan fuqaha' menekankan pentingnya kriteria kekal terhadap barang yang diwakafkan. Namun begitu tidaklah dikehendaki kekal secara mutlak, bahkan memadai barang itu boleh digunakan untuk sesuatu tempoh yang lama. Dengan itu tidak sah mewakafkan barang yang tidak lama tempoh kegunaanya seperti barang makanan.<sup>35</sup> Apabila sesuatu benda yang tidak memberi manfaat kecuali dilupuskan seperti duit, kertas, benda yang dimakan dan benda yang diminum, maka wakaf barang ini adalah tidak harus.<sup>36</sup>

Seterusnya barang yang diwakafkan itu dapat diambil manfaatnya dengan berkekalan. Oleh itu tidak sah jika wakaf tersebut dibatasi oleh waktu. Sesuatu manfaat juga boleh dijadikan sebagai wakaf seperti hasil sewa sebidang tanah. Contohnya di Mesir di mana kredit-kredit bank juga telah dijadikan harta wakaf. Hal ini sesuai dengan perkembangan masyarakat dan sistem ekonomi yang semakin maju. Apabila berlaku kerosakan harta wakaf maka barang yang diwakafkan itu tidak akan dikembalikan kepada pewakaf, tetapi dibiarkan dengan tidak dijual menurut pendapat Imam Malik. Tetapi Imam Ahmad berpendapat harta itu boleh dijual dan

dipergunakan harganya untuk barang wakaf yang sama jenisnya juga seperti sekiranya masjid maka harganya dipergunakan untuk masjid juga.<sup>37</sup>

Oleh yang demikian sebarang harta yang diwakafkan itu hendaklah boleh diambil manfaat dan pahala itu berterusan kepada pewakaf selagi barang itu dapat digunakan. Sekiranya berlaku kerosakan maka harta itu hendaklah dijual atau sebagainya bagi mempastikan harta itu kekal menjadi harta wakaf sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam Ahmad.

### 3.5 LAFAZ WAKAF (*SIGHAH*).

Sesetengah fuqaha menetapkan *sighah* sebagai salah satu rukun wakaf. Maksud *sighah* ialah perkataan yang diucapkan oleh satu pihak kepada pihak yang lain. *Sighah* mengandungi penawaran (*ijāb*) dari orang yang membuat wakaf dan penerimaan (*qabūl*) dari orang yang diberikan wakaf. Perkataan wakaf itu sama ada dengan perkataan yang terang (*sariḥ*) seperti “aku wakafkan hartaku” atau dengan cara imbasan (*kināyah*) seperti “akukekalkan hartaku”, walau bagaimanapun dengan cara imbasan ini perlu kepada niat.<sup>38</sup>

Menurut Ibn Qudāmah lafaz wakaf ada enam iaitu tiga dalam bentuk terang atau jelas dan tiga dalam kinayah. Lafaz yang terang seperti *habastu* (aku menahan), *waqafstu* (aku wakafkan), *Sabiltu* (aku serahkan). Apabila perkataan-perkataan ini digunakan maka wakaf terbentuk dan tidak perlu lagi kepada perkataan lain. Adapun lafaz *kināyah* adalah seperti *taṣaddaqtu* (aku sedekahkan), *haramtu* (aku haramkan),

dan *abadtu* (aku kekalkan). Lafaz-lafaz ini tidak jelas kerana lafaz sedekah dan lafaz haram itu bersamaan, sedangkan lafaz sedekah kebiasaannya digunakan pada zakat dan hibah, manakala lafaz *tahrīm* atau haram digunakan pada zihar atau sumpah yang mana ia boleh menjadi haram pada dirinya sendiri dan orang lain.<sup>39</sup>

Para fuqaha bersetuju dalam menyatakan lafaz *ijāb*, ianya tidak terikat kepada susunan ayat atau istilah tertentu. Namun apa yang ditekankan ialah ia mestilah mengandungi maksud dan tujuan yang bersesuaian dengan perbuatan untuk melakukan wakaf. Di samping itu juga lafaz wakaf ini juga mestilah menunjukkan kepada lafaz yang berkekalan yang tidak meletakkan sebarang syarat yang boleh menyebabkan wakaf itu terbatal. Dengan itu tidak sah mewakafkan sesuatu barang untuk selama setahun dan sebagainya.<sup>40</sup>

Secara umumnya keempat-empat mazhab tidak menganggap lafaz *qabūl* sebagai rukun atau syarat untuk mengambil hak dari bahagian harta yang diperuntukkan kepadanya sekiranya wakaf itu dalam bentuk umum. Namun seandainya wakaf itu dikhaskan kepada orang atau kumpulan tertentu, di sini terdapat beberapa pendapat dan pandangan seperti berikut, pendapat pertama mengatakan bahawa penerimaan tidak menjadi syarat sah wakaf dan tidak mengurangkan haknya seandainya ia menolak, manakala pendapat yang kedua iaitu pendapat yang asah menurut jumhur menjelaskan bahawa penerimaan adalah syarat untuk menerima bahagian hartanya, jika ia menolak tidak membatalkan wakaf tersebut tetapi yang batal adalah haknya sahaja, menurut pendapat ketiga yang menegaskan bahawa penerimaan orang yang diwakafkan kepadanya harta tersebut tidak menjadi syarat ia menerima haknya. Jika ia menolak, maka gugur haknya sahaja.<sup>41</sup>

Pemberian harta wakaf mestilah sempurna yakni tanpa bergantung dengan keadaan dan tanpa mensyaratkan *sīghahnya* itu dengan sesuatu perkara yang menyebabkan wakafnya tidak sempurna. Ibn Qudāmah menegaskan tidak harus mensyaratkan pada permulaan dan berakhirnya wakaf.<sup>42</sup>

Barang yang diwakafkan adalah milik *wāqif* yang sempurna dan tidak boleh *khiyār*, kerana wakaf menghilangkan miliknya. Sesiapa yang menjual dengan *akad jualan* dengan cara *khiyār*<sup>43</sup> atau jualan selama tiga hari kemudian diwakafkan dengan cara *khiyār*, maka tidak sah wakaf itu kerana pewakaf tidak memiliki secara sempurna.<sup>44</sup> Begitu juga tidak harus mewakafkan sesuatu yang tidak dimilikinya seperti hamba kerana ia bukan miliknya yang sempurna, maka tidak sah apa yang tidak dimilikinya seperti hibah dan sedekah.<sup>45</sup>

Setiap wakaf yang dilakukan, tidak sah disyaratkan untuk menarik balik harta tersebut pada bila-bila masa yang dikehendaki. Walau bagaimanapun sesuatu wakaf yang disyaratkan dengan mati, dianggap sah kerana ia dianggap sebagai wasiat.<sup>46</sup> Wakaf tersebut berkuatkuasa selepas kematian pewakaf. Namun begitu wakaf dengan cara ini boleh dibatalkan oleh pewakaf pada bila-bila masa sebelum ia meninggal dunia.<sup>47</sup>

Menurut jumhur ulama selain Mazhab Imam Malik, wakaf hendaklah berlaku serta merta iaitu bebas dari terikat dengan syarat *khiyār* sama ada diketahui atau tidak. Misalnya diwakafkan sesuatu dan disyaratkan untuk dirinya atau orang lain untuk mengambil semula harta yang diwakafkan itu bila masa yang dikehendaki, wakaf ini adalah terbatas. Bagi Mazhab Imam Abū Hanifah memberikan pengecualian di dalam

wakaf untuk masjid, sekiranya dijadikan syarat untuk *khiyār* adalah diharuskan dan syarat itu dikira batal.<sup>48</sup>

Sebagai langkah berhati-hati adalah perlu sesuatu wakaf yang dibuat dituliskan. Hal ini telah dilakukan di zaman sahabat dan tabi'in. Saidina Ali umparannya telah menulis watikah wakaf yang bermaksud “untuk keredaan Allah dengan harapan syurga sebagai balasan dan diajauhkan daripada neraka”. Demikian juga Saidatina Fatimah telah menulis wakafnya dengan perkataan “untuk isteri-isteri nabi dan Bani Hasyim dan Bani Muttalib”.<sup>49</sup>

Ringkasnya, *sīghah* merupakan suatu perkara yang dimestikan untuk menunjukkan telah berlakunya wakaf itu. Ianya boleh dilakukan dalam apa jua bahasa, asalkan ianya memberi maksud atau tujuan yang sama. Umumnya wakaf tidak memerlukan penerimaan andainya yang menerima itu tidak ditentukan (umum), tetapi penerimaan diperlukan sekiranya wakaf itu ditentukan kepada siapa penerimanya. Semua ulama berpendapat kecuali mazhab Maliki menyatakan tidak sah wakaf sekiranya syarat diletakkan seperti boleh menarik balik harta yang diwakafkan dan sebagainya kerana pewakaf itu tidak lagi mempunyai kuasa terhadap harta yang diwakafkan.

### **3.6 KEADAAN-KEADAAN HARTA WAKAF.**

#### **3.6.1 HARTA *MUSYĀ*<sup>c</sup>.**

Wakaf *Musyā*<sup>c</sup> ialah harta yang dikongsikan dengan orang lain yang tidak boleh dibahagi, seperti dua orang pemilik sebuah kereta, salah seorang daripada mereka mewakafkan bahagiannya, wakaf ini adalah sah.<sup>50</sup> Setiap barang yang diwakafkan itu hendaklah bermanfaat disamping *‘aynnya* kekal walaupun harta itu harta *Musyā*<sup>c</sup>. Imam Malik dan al-Syāfi‘ī berpendapat sah wakaf *Musyā*<sup>c</sup>. Namun menurut Muhammad bin Hassan wakaf *Musyā*<sup>c</sup> adalah tidak sah, dengan alasan kerana penyerahan harta merupakan salah satu syarat pada harta wakaf, sedangkan penyerahan tersebut tidak berlaku pada wakaf *Musyā*<sup>c</sup>.<sup>51</sup> Harta *Musyā*<sup>c</sup> mempunyai dua bentuk iaitu harta berkongsi yang tidak boleh dipecah bahagian dan harta berkongsi yang boleh dipecah bahagian. Mengikut jumhur selain daripada mazhab Maliki adalah harus wakaf harta *Musyā*<sup>c</sup> yang tidak boleh dipecah bahagian seperti kereta. Sebaliknya mazhab Maliki tidak mengharuskan mewakafkan harta tersebut, manakala harta yang boleh dipecah bahagian adalah harus diwakafkan menurut mazhab al-Syāfi‘ī, Maliki, Hanbali serta Abū Yusuf kecuali untuk masjid dan surau hendaklah dipecah bahagian terlebih dahulu.<sup>52</sup>

Imam al-Syāfi‘ī dan Imam Ahmad Ibn Hanbal mensyaratkan harta yang hendak diwakafkan itu jelas dan dimilikinya serta boleh dipindah milik melalui jualbeli atau sebagainya. Harta tersebut pada kebiasaannya boleh diambil manfaatnya seperti sewa-menyeWA sekalipun dalam bentuk harta *Musyā*<sup>c</sup> serta manfaat tersebut berkekalan dan mempunyai tujuan yang diharuskan oleh Syarak.<sup>53</sup>

Imam Abu Hanifah berpendapat adalah tidak sah untuk mewakafkan harta *musyā‘* untuk tujuan masjid dan kubur kecuali telah dibuat pembahagian terlebih dahulu. Kerana harta *musyā‘* boleh menjadi penghalang untuk ikhlas dan boleh membawa kepada berlakunya pertukaran tujuan manfaatnya, seperti pasar atau tanah pertanian dan seumpamanya yang dilarang oleh Syarak.<sup>54</sup>

Mazhab Imam Malik tidak mengharuskan wakaf harta *musyā‘* kerana harta itu tidak boleh dibuat pembahagian. Mereka mengatakan sebarang harta yang diwakafkan itu hendaklah tidak terikat dengan harta orang lain. Ini termasuklah memiliki sesuatu yang mempunyai manfaatnya, seperti haiwan yang diharuskan untuk mengambil manfaat sama ada dari segi perkhidmatannya, tunggangannya atau dari segi kecantikannya.<sup>55</sup>

### **3.6.2 GADAIAN DAN PAJAKAN.**

Mazhab Hanafi berpendapat sah mewakafkan harta yang digadai kerana menjadi miliknya walaupun terikat dengan orang yang memegang gadai. Sekiranya penggadai membayar dan ingin mengambil balik harta gadaian itu, maka tidak lagi menjadi hak orang yang memegang gadaian. Jika ia tidak mahu berbuat demikian, ia boleh menuntut supaya harta wakaf tersebut dibatalkan dan dijual barang yang digadaikan itu. Sebaliknya jumhur ahli fiqh berpendapat bahawa tidak sah mewakafkan harta tersebut.<sup>56</sup> Hakim boleh menggunakan budi bicaranya untuk mendesak penggadai untuk membayar hutang gadaian sekiranya tindakan itu merupakan cara yang terbaik, tetapi sekiranya menghadapi kesukaran hendaklah

dibatalkan wakaf dan dijual barang gadaian untuk pembayaran hutang. Apabila seseorang itu meninggal dunia yang mewakafkan sesuatu harta yang digadai, sekiranya boleh diselesaikan hutang gadaian, maka barang gadaian tersebut menjadi harta wakaf. Jika sebaliknya hendaklah dijual dan wakaf itu terbatas.<sup>57</sup>

Pajak ialah dengan cara menyerahkan tanaman dari harta wakaf kepada mereka yang sanggup menjaga dan memungut hasil sehingga ke satu masa yang ditentukan. Sistem pajak telah berlaku pada zaman Rasulullah di mana baginda memajakkan kebunnya di Khaibar, setengah daripada hasilnya diberikan kepada pemajak dan setengahnya diberikan kepada baginda.<sup>58</sup> Sistem pajak dibenarkan biasanya diantara satu hingga tiga tahun. Walau bagaimanpun tidak salah sekiranya seseorang memajakkan kebunnya lebih daripada tiga tahun.<sup>59</sup> Ibn Abidin menegaskan bahawa diantara syarat-syarat yang diperlukan dalam pajakan ialah: (1) Tertentu masanya, (2) harta yang dipajak itu diketahui oleh kedua belah pihak, (3) bahagian masing-masing diketahui dan (4) lafaz *ijāb* dan *qābul*.<sup>60</sup>

### 3.6.3 PENYEWAAN HARTA WAKAF.

Menurut mazhab al-Syāfi‘ī dan Hanbali adalah harus mewakafkan tanaman yang terdapat di atas tanah yang disewa oleh penyewa kerana ia memiliki manfaatnya walaupun ia tidak memiliki barang itu.<sup>61</sup> Namun begitu menurut satu pendapat lain mengatakan tidak sah kerana tuan tanah yang memiliki tanah itu berhak membinasakan tanaman itu.<sup>62</sup>

Walau bagaimanapun, beberapa peraturan telah ditetapkan dalam penyewaan harta wakaf di antaranya ialah pentadbir harta wakaf adalah orang yang bertanggungjawab dalam memungut sewa, pentadbir hanya membenarkan tempoh masa selama tiga tahun kepada penyewa, sekiranya penyewa meminta lebih daripada itu mesti mendapat kebenaran atau kelulusan kerajaan dan ahli keluarga. Sekira disebaliknya (mahu menyewa) akan dikenakan kadar sewa yang tinggi daripada orang lain dan kadar sewa ditetapkan mengikut kadar nilai harta semasa.<sup>63</sup>

### 3.6.4 TANAH *IQTĀ'*.

*Iqtā'* ialah pemberian tanah milik Allah s.w.t oleh pemerintah kepada seseorang yang pada pandangannya berhak untuk menerima pemberian tersebut.<sup>64</sup> Menurut Muhammad Abū Zahrah, tanah yang diiqtā'kan secara *iqtā' istighlāt*<sup>65</sup> tidak boleh diwakafkan. Ini adalah kerana disebabkan tidak wujud hak milik *raqabah* di atas tanah tersebut. Tetapi mengenai tanah yang diiqtā' secara *iḥyā' al-mawāt*<sup>66</sup> adalah sah diwakafkan setelah sempurna usaha *iḥyā'*, kerana tanah tersebut telah wujud hak milik.<sup>67</sup>

Berhubung dengan tanah yang diwakafkan untuk masjid atau tanah perkuburan hendaklah terlebih dahulu ditentukan sempadannya. Setelah dijadikan wakaf maka pembahagian tidak boleh lagi dilakukan. Mengikut pendapat Abū Hanifah sekiranya harta tersebut tidak dilakukan pembahagian terlebih dahulu, maka ia tidak dapat dijadikan wakaf disebabkan penerimaan wakaf tidak jelas.<sup>68</sup>

### **3.6.5 WAKAF BARANG PERHIASAN.**

Mengenai wakaf pakaian dan perhiasan adalah berdasarkan Hadith Nafi<sup>c</sup> di mana Hafsah r.a. mewakafkan perhiasan kepada golongan keluarga al-Khatab.<sup>69</sup> Mengenai wakaf senjata pula berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "*Hadith yang diriwayatkan oleh Khalid Ibn Walid, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Adapun Khalid, maka dia telah mewakafkan baju-baju perangnya dan peralatan perangnya ke jalan Allah*".<sup>70</sup>

Ahli fiqh mazhab Shāfi'i<sup>71</sup> menekankan kriteria wakaf pada umumnya mestilah dapat digunakan secara berkekalan, sama ada ianya berbentuk boleh alih atau tidak seperti buku, perabut, alat peperangan, bangunan, tanah dan kenderaan. Sekiranya barang itu tidak boleh digunakan atau kegunaannya dengan hanya dimusnahkan zat asalnya, maka harta tersebut tidak boleh diwakafkan. Ahli-ahli fiqh mazhab Maliki<sup>72</sup> pula menekankan persoalan manfaat yang akan diperolehi oleh umum dan bukanya persoalan harta alih atau tidak untuk menentukan sah atau tidaknya sesuatu wakaf.

Imam Abū Hanifah berpendapat tidak harus mewakafkan kuda-kuda perang dan senjata-senjata untuk jalan Allah kerana harta alih dan perbuatan itu pada adat tidak dilakukan. Tetapi pada satu pandangan yang lain adalah harus mewakafkan harta-harta itu. Begitu juga dibolehkan untuk menjual barang yang telah usang atau tidak boleh digunakan lagi dan diambil hasil jualan tersebut untuk kegunaan asalnya.<sup>73</sup>

Setiap wakaf yang tidak kekal <sup>c</sup>aynnya adalah tidak sah untuk diwakafkan. Ini adalah kerana semua harta yang diwakafkan menjadi milik Allah S.W.T, sementara manfaatnya kembali kepada penerima wakaf. Di dalam hal ini, Ibn Rifa'ah mengatakan bahawa tidak boleh mewakafkan buku-buku yang hanya untuk dibaca di sesebuah masjid sahaja atau ia dikhususkan kepada beberapa orang yang tertentu sahaja kerana ia menyempitkan kegunaan wakaf kepada satu bentuk penggunaan sahaja.<sup>74</sup>

Dengan yang demikian wakaf barang perhiasan diharuskan tetapi barang itu mestilah barang yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan digunakan pada jalan yang dibenarkan oleh Syarak.

### **3.6.6.PENJUALAN HARTA WAKAF.**

Al-Sanhuri berpendapat yang dimaksudkan dengan pertukaran ialah penjualan harta yang diwakafkan itu dan harga yang diperolehi digunakan untuk membeli harta lain dengan tujuan untuk diwakafkan juga.<sup>75</sup> Apabila timbul kerosakan harta wakaf yang tidak boleh digunakan lagi dan tidak boleh diambil manfaat maka harta wakaf itu bolehlah dijual dan duit yang diperolehi daripada jualan itu bolehlah dibeli harta wakaf yang lain. Contohnya kuda perang yang tidak boleh digunakan lagi untuk berjihad maka bolehlah dijual dan dibeli kuda perang yang baru. Begitu juga tentang tanah runtuh, rumah rosak, masjid sempit dan tidak digunakan untuk sembahyang maka harus dijual.<sup>76</sup> Walau bagaimanapun mengikut Imam Malik dan al-Syafi'i tidak harus dijual sesuatu daripada harta wakaf. Perkara ini disandarkan kepada hadith

Rasulullah yang bermaksud: "Tidak boleh dijual-beli, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwarisi (harta-harta wakaf)". Ibn Qudāmah berpendapat harta wakaf boleh dijual kerana berpandukan kepada peristiwa di mana Umar memerintahkan Saad menjadi naqib di Baitulmal Kufah, Umar berkata: "Pindahkan masjid sejarak dua pokok tamar dan jadikan Baitulmal di sebelah kiblat masjid, pada masa itu masjid masih lagi digunakan dan disaksikan oleh sahabat dan tidak timbul khilaf dan ia menjadi ijmak".<sup>77</sup>

Al-Syarbini berpendapat penjualan harta wakaf tidak digalakkan kepada badan-badan atau individu kecuali terdapat sebab-sebab yang tertentu dan dalam keadaan-keadaan tertentu dibolehkan penjualan harta wakaf. Di antara sebab yang membolehkan penjualan harta wakaf ialah tanah dan bangunan dijual dan digantikan dengan jenis yang sama di tempat lain yang lebih baik dari segi maslahah dan ekonomi atau ianya dijual sebahagian kecil untuk menjaga kepentingan yang lebih besar.<sup>78</sup>

Syarat yang perlu ada dalam penjualan atau pertukaran harta wakaf ialah, (1) tidak dengan harga terlalu rendah, (2) tidak boleh dibeli oleh keluarga pentadbir, (3) penjualan secara tunai, (4) penjualan diputuskan oleh hakim yang adil lagi amanah dan (5) harga jualan hendaklah ditukar dengan harta lain yang kemudiannya dikenalkan sebagai harta wakaf.<sup>79</sup> Ahli-ahli fiqh menggalakan penjualan harta wakaf sekiranya kesan daripada penjualan itu dapat memberikan keuntungan yang besar.<sup>80</sup>

### **3.6.7 WAKAF BINATANG.**

Imam Abū Hanifah, Abū Yusuf dan satu riwayat dari mazhab Maliki berpendapat bahawa mewakafkan binatang adalah tidak sah.<sup>81</sup> Tetapi al-Syāfi‘ī menetapkan bahawa binatang, kenderaan dan sebagainya termasuk dalam ciri harta yang boleh diwakafkan, walaupun sifat kekalnya boleh diragukan.<sup>82</sup> Namun sekiranya seseorang yang mewakafkan burung di udara dan ikan yang masih di air yang tidak mungkin ditangkap, hukumnya adalah tidak sah kerana barang tersebut belum ditentukan.<sup>83</sup>

Ulama berselisih pendapat sama ada dibolehkan atau tidak mewakafkan anjing. Sebahagian daripada mereka berpendapat tidak dibolehkan (tidak diharuskan) wakaf tersebut dan sebahagian lagi mengatakan harus diwakafkan kerana dimaksudkan daripada wakaf itu adalah manfaat, yang mana anjing dapat memberi manfaat seperti digunakan untuk menjaga ladang.<sup>84</sup> Al-Syarbī berpendapat mewakafkan harta yang tidak berfaedah dan tidak boleh diambil manfaat seperti anjing, khinzir dan binatang buas yang tidak boleh digunakan untuk berburu adalah tidak diharuskan.<sup>85</sup> Imam Al-Syāfi‘ī berpendapat tidak diharuskan untuk mewakafkan anjing sekalipun anjing itu terlatih kerana anjing tidak boleh dimiliki.<sup>86</sup>

### **3.7 JENIS WAKAF.**

Wakaf boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu wakaf am dan wakaf khas. Perbezaan yang jelas di antara kedua-dua bahagian ini hanyalah pada

penggunaan wakaf itu sendiri iaitu samada ia digunakan bagi kebajikan umat Islam secara sepenuhnya seperti dalam wakaf am atau dikhususkan kepada golongan tertentu sahaja seperti wakaf khas. Walaupun wakaf itu dibahagikan kepada dua bahagian yang berasingan tetapi ia masih lagi tetap dalam bentuk yang sama. Para fuqaha telah membahagikan wakaf kepada tiga bahagian iaitu:<sup>87</sup>

- (i) Wakaf Kebajikan (*waqf al-khayri*) atau wakaf am.
- (ii) Wakaf keluarga (*waqf dhurri*) atau wakaf khas.
- (iii) Wakaf bersama (*waqf musytarak*) atau wakaf yang mempunyai kedua-dua ciri di antara wakaf am dan khas.

### **3.7.1 WAKAF AM.**

Wakaf Am adalah wakaf yang asal dan sabit dalam nas. Penerimanya terdiri daripada golongan atau badan kebajikan tertentu. Ia adalah secara langsung menjadi milik Allah. Wakaf seperti ini dikendalikan oleh kerajaan dan diagihkan kepada seluruh masyarakat sebagaimana yang telah ditentukan.<sup>88</sup>

Secara umumnya wakaf ini dilakukan khusus untuk kemaslahatan umat Islam. Wakaf jenis ini adalah kekal untuk maksud agama. Wakaf Am lebih bersifat amal bagi tujuan kebajikan umum, umpamanya sekolah atau rumah sakit.<sup>89</sup> Sekiranya sesuatu harta itu diwakafkan dalam bentuk penggunaan umum, pengurusan pentadbirannya diserahkan dan diamanahkan kepada pemerintah dan hasil daripada pendapatan itu termasuk dalam kumpulan harta baitulmal.<sup>90</sup>

Pihak pemerintah boleh menggunakannya untuk kerja-kerja membina infrastruktur sosial, pembangunan seperti pusat kesihatan, jalan raya, jambatan, bekalan api dan sebagainya. Oleh yang demikian sifat wakaf ini adalah penyerahan mutlak atau penyerahaan manfaat sahaja untuk tujuan kebajikan yang tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu.<sup>91</sup> Wakaf Am ini tidak perlu kepada syarat-syarat *qabul*.<sup>92</sup>

Antara dalil yang menunjukkan tentang wakaf ini adalah wakaf yang dilakukan oleh Saidina Umar al-Khattab yang telah mewakafkan tanah di Khaibar untuk tujuan umum, bagi kegunaan fakir miskin, *ibn sabil*, para tetamu dan lain-lain lagi.<sup>93</sup> Ada juga mengatakan bahawa tapak masjid, bangunan atau tanah perkuburan adalah wakaf am, manakala hamparan di dalamnya, kedai-kedai di sekelilingnya juga pagar yang mengelilingi di sekitarnya adalah wakaf khas.<sup>94</sup>

### **3.7.2 WAKAF KHAS.**

Wakaf khas ialah golongan penerima wakaf telah ditentukan sama ada seorang, dua orang, beberapa orang, kumpulan atau untuk keluarga tertentu. Harta yang diwakafkan itu akan menjadi milik mereka yang ditentukan dan mereka sahajalah yang berhak menggambil manfaatnya.<sup>95</sup> Golongan Syiah Imammiyah memasukkan wakaf jenis ini ke dalam wakaf zuriat, iaitu untuk kaum keluarga sendiri, kerabat, golongan tertentu atau individu tertentu.<sup>96</sup> Sekiranya harta itu diwakafkan dalam bentuk penggunaan khusus, maka harta wakaf itu dan hasil daripadanya tidak

boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain selain apa yang telah ditentukan oleh pewakaf (*wāqif*).<sup>97</sup>

Di dalam undang-undang Islam kaum kerabat boleh menerima wakaf, ia dikenali dengan nama wakaf keluarga (*dhurri*). Wakaf jenis ini kebiasaanya dilakukan oleh pewakaf kepada kaum kerabat dan ahli keluarga, bagi menjaga keperluan dan kepentingan mereka. Jumhur pula berpendapat mewakafkan harta untuk anak-anak dan keluarga adalah harus sama ada keluarga pewakaf sendiri atau keluarga lain. Mereka juga berpendapat mewakafkan harta kepada kaum keluarga yang miskin adalah lebih utama.<sup>98</sup>

Agama Islam menggalakkan mana-mana keluarga yang kaya atau mereka yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh memberi bantuan kepada anggota keluarganya yang kekurangan. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t melalui firmanNya dalam surah al-Baqarah ayat 177 yang bermaksud:

*“Bukanlah perkara kebijikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke sebelah timur dan barat, tetapi kebijikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah dan hari akhirat dan segala malaikat dan segala kitab dan sekalian nabi dan mendermakan seorang akan hartanya sedang ia menyayanginya”.*

Apa yang difahami dari ayat ini ialah, selain dituntut beriman kepada Allah s.w.t, umat Islam digalakkan supaya melakukan pengorbanan terutamanya pengorbanan harta yang diperolehi di atas dunia disumbangkan kepada mereka yang memerlukan. Akibat daripada itu, akan lahir sebuah masyarakat yang kukuh dan harmoni.

Wakaf keluarga ini juga menolong menguatkan lagi konsep asas jaminan sosial terutama kepada unit-unit kekeluargaan dan persaudaraan. Ini disebabkan sistem tersebut adalah digalakkan bagi membantu fakir dan miskin dari keluarga sendiri dan dari keluarga yang jauh. Seperti yang difahami bahawa maksud yang tersirat dalam implementasi zakat, wakaf dan sedekah ialah bertujuan untuk memberi kedudukan taraf hidup yang terjamin ke atas semua individu dan masyarakat, menyediakan asas pembangunan dan juga bertujuan untuk mengecilkan jurang ketidaksamaan pendapatan kepada sesuatu paras pendapatan yang dapat diterima umum.<sup>99</sup>

Perkara ini telah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w, melalui sabdanya kepada Talhah yang bermaksud: "*Aku lihat wakafmu untuk keluargamu! Jawab Talhah: Ya! Aku berbuat demikian. Maka berikanlah wakaf itu kepada kaum keluarga dan anak-anak bapa saudara*".<sup>100</sup>

Daripada hadith ini jelas menunjukkan bahawa kaum keluarga perlu diberi perhatian dengan membolehkan mereka menerima harta wakaf sebagai jaminan masa hadapan dan sebagai langkah menghindarkan mereka dari dibelenggu kemiskinan.

Namun, terdapat beberapa ulama yang tidak bersetuju dengan keharusan wakaf kepada keluarga ini, sebagai contoh Zuhdi Yakan tidak bersetuju mengenai wakaf kepada keturunan, kerana tidak memberi apa keuntungan yang baik kepada individu maupun negara kerana sebab-sebab berikut:<sup>101</sup>

- Harta itu hanya berpusing disekitar mereka yang menerima sahaja, ini menyebabkan harta itu menjadi beku.
- Pengendalian oleh pentadbir yang biasanya tidak cekap atau mengurangkan hasil dari harta itu.
- Ianya dimonopoli oleh golongan tertentu sahaja turun-temurun.
- Kemungkinan akan berlaku persengketaan antara pihak pentadbir dan penerima.
- Adanya perasaan dengki-mendengki antara si pewaris dan penerima pusaka.

Mengenai wakaf kepada diri sendiri timbul khilaf di kalangan ulama. Ibn Qudāmah menyatakan jika seseorang mewakafkan kepada dirinya sendiri kemudian kepada orang miskin atau kepada anaknya, ada beberapa pendapat mengenainya. Pertama menyatakan wakaf itu tidak sah, kerana ada satu riwayat daripada Abi Talib yang mana beliau pernah ditanya tentang perkara ini, beliau berkata, aku tidak mengetahui selain sesuatu yang dikeluarkan semata-mata kerana Allah dan pada jalan Allah. Pendapat kedua mengikut al-Syāfi‘ī menyatakan wakaf selepas daripadanya (mati) adalah batal kerana ia terputus daripada permulaan, maka tidak harus seseorang mewakafkan pada dirinya sendiri seperti mana tidak harus menjual dirinya sendiri.<sup>102</sup>

Sebahagian daripada mereka melarang perbuatan ini, kerana wakaf kepada diri sendiri adalah bermaksud pemilikan dan tidak sah pemilikan wakaf untuk diri sendiri seperti jual-beli dan hibah.

### **3.7.3 WAKAF BERSAMA (*WAQF MUSYTARAK*).**

Iaitu wakaf yang bercampur di antara wakaf kebajikan dan wakaf keluarga. Perkara ini berlaku apabila pewakaf itu mewakafkan sebahagian hartanya kepada kebajikan, manakala yang bakinya diberikan kepada penerima yang telah ditentukan dari kalangan keluarganya. Dengan ini harta wakaf itu dibahagikan kepada kedua-dua jenis wakaf tersebut (wakaf kebajikan dan wakaf keluarga) dengan keadaan yang diakui oleh pewakaf itu sendiri.<sup>103</sup>

Wakaf jenis ini juga merupakan campuran di antara *waqf ahli* yang bersifat khusus dan *waqf khayri* yang bersifat umum. Contohnya wakaf tanah pertanian di mana sebahagian hasilnya ditujukan untuk kepentingan umum.

Sekiranya berlaku pemecahan atau pemisahan sehingga boleh menimbulkan kemudharatan atau kerosakan, maka setiap bahagian wakaf tersebut akan mengambil kedudukan serta hukum khusus sama ada sebagai *waqf ahli* atau *waqf khayri* semata-mata.<sup>104</sup>

Daripada jenis-jenis wakaf yang telah dijelaskan di atas, menunjukkan pembahagian yang dibuat oleh ulama itu berdasarkan kepada siapa wakaf itu diberikan. Walaupun wakaf khas dikhususkan hanya kepada keturunan wakaf tetapi apabila terpusus keturunan atau pihak yang menerima wakaf, maka ia akan diserahkan kepada fakir miskin bagi tujuan kebajikan. Dari segi penggunaannya, harta wakaf tertakluk kepada penggunaan yang telah ditentukan oleh pewakaf. Jika pewakaf menentukan bagi penggunaan khusus maka ia tidak boleh digunakan untuk kegunaan

lain, tetapi kalau untuk kegunaan umum maka ia terserah kepada pemerintah untuk menguruskannya demi kebaikan umat Islam.

### 3.8 PENTADBIR (*AL-MUTAWALLI*) HARTA WAKAF DAN KELAYAKANNYA.

Pentadbir harta-harta wakaf atau dikenali sebagai *al-mutawalli* berkait rapat dengan cara pelaksanaan wakaf. Setiap wakaf yang dibentuk memerlukan kepada pentadbiran supaya wakaf itu berjalan dengan lebih tersusun. Pengertian mentadbir ini meliputi menjaga harta wakaf daripada berlakunya kerosakan, menggunakan faedahnya untuk tujuan kebajikan dengan berdasarkan syarat yang telah ditetapkan oleh pewakaf.

Pewakaf berkuasa penuh dalam melantik pentadbir harta wakaf, malah ia sendiri boleh menjadi pentadbir kepada hartanya. Ini adalah pendapat bagi mereka yang mengatakan hak milik wakaf masih wujud di tangannya. Manakala menurut pendapat yang mengatakan hak milik pewakaf telah berpindah kepada Allah dan pewakaf tidak ada kuasa lagi, maka kadi atau hakim adalah berkuasa sebagai pentadbir dan pengurus supaya faedah dan manfaat harta wakaf itu dapat disalurkan ke jalan kebajikan.<sup>105</sup>

Jika pewakaf menentukan pentadbir harta wakafnya, maka hakim atau kerajaan selaku pemegang kuasa am tidak perlu melantik orang lain dan tidak perlu campur tangan dalam hal ini, kecuali ianya bertentangan dengan peraturan-peraturan

yang telah ditetapkan oleh syarak. Ini adalah disebabkan harta itu berada di dalam kuasa pentadbir khas yang mana pentadbir am yang dilantik oleh kerajaan tidak lagi diperlukan. Dalam pelantikan ini pentadbir boleh mentadbir harta wakaf secara am agar harta dan hasil tidak diselewengkan. Bukti untuk menunjukkan kenyataan di atas ialah tindakan yang dilakukan oleh Saidina Umar di mana beliau merupakan pentadbir harta wakafnya sendiri, kemudian beliau melantik pula anaknya Saidatina Hafsa dan kemudian kepada cerdik pandai dari keluarganya.<sup>106</sup>

Al-Ramli menegaskan bahawa hubungan di antara pewakaf dengan pentadbir khas (iaitu pentadbir yang dilantik oleh pewakaf mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan sendiri oleh pewakaf) adalah amat erat dan bertaraf perwakilan. Setiap apa jua tindakan yang ingin dilakukan oleh pentadbir mestilah mendapat persetujuan daripada pewakaf terlebih dahulu.<sup>107</sup> Menurut al-Qalyubi, *mutawalli* bukanlah sebagai pemegang amanah, bahkan hanya sebagai pengurus harta wakaf tersebut dan mengawasinya untuk diambil faedah. Seorang *mutawalli* hendaklah mempunyai kelayakan yang telah ditetapkan. Antaranya mestilah seorang yang adil dalam pemberian kepada yang berhak menguruskan harta dan membelanjakannya serta mengendalikan harta tersebut. Golongan orang fasiq<sup>108</sup> tidak boleh dilantik sebagai pentadbir harta wakaf.<sup>109</sup>

Oleh sebab itu pentadbir mestilah bersifat jujur, amanah dan sebagainya, samada pentadbir yang dilantik oleh pewakaf sendiri atau pentadbir yang dilantik oleh kerajaan. Jika tidak mempunyai sifat-sifat ini maka harta wakaf itu diuruskan atau dilakukan mengikut hawa nafsu dan tidak lagi mengikut kehendak syarak. Perkara ini banyak dinyatakan oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran, Surah al-Imran ayat 75 yang

bermaksud: "Dan diantara Ahli Kitab ada orang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun ia akan mengembalikan (dengan sempurna) kepadamu, dan ada pula diantara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinarpun ia tidak akan mengembalikannya kecuali engkau selalu menuntutnya" Surah al-Nisa' ayat 85 menjelaskan juga yang maksudnya; "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya)".

Al-Quran juga menjelaskan, kalau sekiranya memilih pentadbir dari kalangan mereka yang suka mengikut hawa nafsu maka kerosakan dan kebinasaan akan berlaku. Dalam surah Taha ayat 16 yang bermaksud: "Maka janganlah engkau dihalangi daripada mempercayainya oleh orang yang tidak beriman kepadaNya serta ia menurut hawa nafsu, kerana itu engkau akan binasa".

Selain daripada itu, *mutawalli* itu mestilah mempunyai kekuatan atau kepintaran yang dapat mengendalikan dengan wajar sesuatu yang diserahkan kepadanya untuk ditadbir. Jika syarat-syarat ini tidak ada, maka hakim boleh melucutkan jawatannya itu, meskipun pewakaf telah menentukan pentadbirnya di dalam syarat wakaf tersebut.<sup>110</sup>

Di samping itu, pewakaf juga ada hak untuk melucutkan jawatan *mutawalli* sekiranya perlu. Malah ia boleh melantik seorang yang lain sebagai *mutawalli*. Pewakaf boleh memecat pentadbir bila-bila masa sahaja secara mutlak, sama ada bersebab atau tidak, tanpa bersyarat atau tidak bersyarat.<sup>111</sup>

Golongan Mazhab al-Syāffiī berpendapat jawatan pentadbir harta wakaf bukanlah bertaraf jawatan tetap, oleh itu pewakaf mempunyai kuasa untuk melantik atau melucutkan jawatan tersebut bila-bila masa sahaja, hakim atau kerajaan tidak perlu campurtangan. Walau bagaimanapun hakim atau pemerintah mempunyai kuasa melucutkan jawatan pentadbir yang dilantik oleh pewakaf dan menggantikan dengan yang baru, seandainya ternyata pentadbir itu khianat atau tidak amanah. Bagi pentadbir yang dilantik oleh kerajaan, maka pewakaf tidak berhak memecatnya sama ada bersebab atau tidak.<sup>112</sup>

Dengan yang demikian, pewakaf mempunyai kuasa yang luas untuk menentukan penggunaan harta wakaf dan juga tentang pentadbir harta wakaf. Di samping itu juga pewakaf juga boleh menentukan syarat-syarat tertentu terhadap harta tersebut sama ada terhadap orang yang menerima atau tentang kadar harta yang diwakafkan itu. Pihak pentadbir juga mestilah menjalankan kewajipan yang diamanahkan dengan sempurna. Sekiranya berlaku penyelewengan terhadap harta wakaf tersebut, maka pewakaf atau hakim bolehlah melucutkan jawatannya dan digantikan dengan orang lain.

### **3.9 KESIMPULAN.**

Rumusun dari perbincangan di atas menunjukkan bahawa wakaf merupakan ibadah yang mengandungi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Syarak iaitu bersangkutan dengan orang yang mewakafkan, orang yang menerima, barang yang diwakafkan, lafaz wakaf, jenis-jenis wakaf dan pentadbir harta wakaf. Perkara ini

membuktikan bahawa Syariat mengambil berat tentang ibadah wakaf dan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Sekiranya syarat yang telah ditentukan tidak diikuti menyebabkan ibadah wakaf itu tidak sah. Semua peraturan-peraturan asas yang diletakkan adalah untuk menjamin harta yang diwakafkan dapat menyumbang ke arah kesejahteraan dan tidak tersasar daripada jalan yang sebenarnya.

<sup>1</sup>al-Qalyubī (1357H/1938), *Sharh al-Qalyubī wa Umairah ḥala al-Minhaj*.j.3. Mesir: Maktabah al-Bābī al-Halabī, h. 98. Lihat Muhammad al-Khatib al-Syarbīnī (1384H/1964), *al-Iqna'*, j. 3. Mesir: Maktabah Muhammad Ali Sabih wa Auladīh, h. 99.

<sup>2</sup>al-Syarbīnī al-Khātib (1377H), *Mughnī Muhtāj*, j. 2. Mesir: Mustafa al-Bābī al-Halabī, h. 376.

<sup>3</sup>Ibid. 99.

<sup>4</sup>Wahbah Zuhaylī (1405H/1985), *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, j. 8. Damsyik: Dar al-Fikr, h. 177-179.

<sup>5</sup>Ibn Abidin (1966), *Hasiyah Radd al-Muhtar*, j. 8. Mesir: Mustafa al-Bābī al-Halabī, h. 342.

<sup>6</sup>al-Syarbīnī al-Khātib (1377H), *Mughnī Muhtāj*, j. 2, h. 376.

<sup>7</sup>Ibid, h. 377.

<sup>8</sup>Muhammad Nasir Naqvi's (1968), *The Law of Waqaf*, Lahore: All Pakistan Legal Decision, h. 27.

<sup>9</sup>Ibn Al-Humam (1352H/1933), *Fath al-Qadir*, j. 2. Mesir: Mustafa al-Bābī al-Halabī, h. 376.

<sup>10</sup>Ibn Qudāmah (t.t), *al-Mughnī*, j. 5. Mesir: Matba'ah al-Imam, h. 514.

<sup>11</sup>al-Kahlānī (1379H/1960), *Subul al-Salam*, j. 3. Mesir: Mustafa al-Bābī al-Halabī, h. 104.

<sup>12</sup>Muhammad Syafiq al-Anī (1385H/1965), *Ahkam al-Awqaf*, j. 3. Bagdad: Matba'ah al-Irshad, h.39.

<sup>13</sup>Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985), *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, j. 8. h. 193-194.

<sup>14</sup>al-Syarbīnī al-Khātib (1377H), *op.cit.*, j. 2, h 379.

<sup>15</sup>al-Anī (1385H/1965), *op.cit.*, j. 3, h. 22

<sup>16</sup>al-Sanhūrī (1368H/1949), *al-Qawānin al-Misriyyah al-Mukhtarah min al-Fiqh al-Islamī*, j.3. Kahirah: Musahimah Misriyyah, h. 139.

<sup>17</sup>Ibid.

<sup>18</sup>Ibid, h. 140.

<sup>19</sup>al-Syarbīnī al-Khātib (1377H), *op.cit.*, j. 2, h. 379.

<sup>20</sup>al-Sanhūrī (1368H/1949), *op.cit.*, j. 3, h. 139.

<sup>21</sup>Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985), *op.cit.*, j. 8, h. 190.

---

<sup>22</sup>Ibid.

<sup>23</sup>Ibn Qudāmah (t.t), *al-Mughnī*, j. 5, h. 529.

<sup>24</sup>al-Syarbini al-Khatib (1377H), *Mughnī Muhtāj*, j. 2, h. 379.

<sup>25</sup>Ibn-Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 529.

<sup>26</sup>al-Kasani (t.t), *Badā'if al-Sanā'if Fi Tartīb al-Sharā'if*, j. 6. Kahirah: Matba'ah al-Imam, h. 220.

<sup>27</sup>al-Sarakhsī (1324H), *al-Mabsut*, j. 12. Mesir: Matba'ah Sa'adah, h. 46.

<sup>28</sup>Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 497.

<sup>29</sup>Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985), *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, j. 8, h. 190-191.

<sup>30</sup>al-Shawkānī (t.t), *Nayl al-Awātār*, j. 6. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, h.29.

<sup>31</sup>Muhammad Abū Zahrah (1971), *Muhadarat Fi al-Waqf*, Mesir: Dar al-Fikr al-Arabi, h. 186.

<sup>32</sup>al-Syirāzī (t.t), *al-Mazhab Fi Fiqh Mazhab al-Imām al-Syāffī*, j. 1. Mesir: Matba'ah Isā al-Bābī al-Halabī, h 443.

<sup>33</sup>Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 523.

<sup>34</sup>al-Ramli (1967), *Nihāyat al-Muhtāj Ilā Sharh Minhāj*, j. 5. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, h. 363.

<sup>35</sup>Umairah Wa al-Qalyubī (1357H/1938), *op.cit.*, j. 3, h. 98.

<sup>36</sup>Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, h.524.

<sup>37</sup>T.M Hasbi Ash-Shiddieqy (1986), *Hukum-Hukum Fiqh Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 162.

<sup>38</sup>al-Anī (1385H/1965), *op.cit.*, j. 3, h. 23.

<sup>39</sup>Ibn-Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 493.

<sup>40</sup>al-Ansari (t.t), *Fath al-Wahhāb*, j. 1. Mesir: Isā al-Bābī al-Halabī, h. 257.

<sup>41</sup>al-Syarbini al-Khatib (1377H), *op.cit.*, j. 2, h.383.

<sup>42</sup>Ibn Qudāmah(t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 514.

<sup>43</sup>Khiyar ialah hak memilih atau hak menentukan pilihan antara dua hal bagi pembeli dan penjual, apakah aqad jual-beli akan diteruskan atau dibatalkan. Lihat dalam, Dr. M. Rauwwas Qal'ah Jl, *Mujam Lughat al-Fuqaha'*, Beirut: Dar al-Nafais, Cet. 1, 1405H/1985/, h. 202.

<sup>44</sup>Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985), *op.cit.*, j. 8, h. 185.

<sup>45</sup>al-Shirazi (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 441

<sup>46</sup>al-Fatani (1351H), *Kifāyat al-Muhtadi*, t.tp: Tabāh Mahfudzah Lil Muallif, h.229.

<sup>47</sup>M. Hidayatullah et (1977), *al Mulla Prinsipal of Mohamedan Law*, Bombay: N.M Tripathi (Pte) Ltd, 18<sup>th</sup>. Ed, h. 187.

<sup>48</sup>Ibn Abidin (1386H/1966), *op.cit.*, j. 2, h. 342.

<sup>49</sup>al-Muti'i (t.t), *Majmu' Syarh al-Muhadhab*, j. 14. Mesir: Matba'ah al-Imām, h. 610.

<sup>50</sup>Prof. Dato' Mahmud Saedon Awang Othman (1998), "Peranan Wakaf di dalam Pembangunan Ummah", *Al-Ahkam*, j. 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h.167.

<sup>51</sup>Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5. h. 527.

<sup>52</sup>Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985), *op.cit.*, j. 8, 164-165.

<sup>53</sup>al-Syarbini al-Khātib (1377H), *op.cit.*, j. 2, h.377.

<sup>54</sup>Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985), *op.cit.*, j. 8, h.186-187.

<sup>55</sup>*Ibid.*

<sup>56</sup>*Ibid*, h. 167-168.

<sup>57</sup>Ibn Abidin (1386H/1966), *op.cit.*, j. 2, h. 397.

<sup>58</sup>al-Muti'i (t.t), *op.cit.*, j. 14, h. 231.

<sup>59</sup>*Ibid*, h. 237.

<sup>60</sup>Ibn Abidin (1386H/1966), *op.cit.*, j. 4, h. 403.

<sup>61</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985),*op.cit.*, j. 8, h. 167-168.

<sup>62</sup>Umairah Wa al-Qalyubi (1357H/1938), *Sharḥ al-Qalyubi wa Umayrah 'ala al-Minhaj*, j. 3, h. 99.

<sup>63</sup>Ibn Abidin (1386H/1966), *op.cit.*, j. 4, h. 403.

<sup>64</sup>al-Kahlani (1379H/1960), *op.cit.*, j. 3, h. 86.

<sup>65</sup>*Iqṭā' istighlal* ialah pemberian kawasan tanah dengan menggunakan sesuatu cukai yang mesti dibayar oleh penduduk-penduduk tertentu sebagai bayaran terhadap penggunaan tanah yang diusahakan oleh mereka untuk mendapatkan sara hidup. Lihat Ibn Abidin, *op.cit.*, j. 4, h. 194.

---

<sup>66</sup>*Ihya al-Mawat* ialah membuka tanah baru, iaitu membuka tanah baru pada tanah kosong yang belum ada pemiliknya, untuk selanjutnya dimiliki. Hukum membuka tanah baru adalah boleh (mubah), dan haram jika tanah baru yang dibuka itu milik orang lain. Lihat dalam, Dr. M. Rauwwus Qal'ah Jl, *op.cit.*, h.48.

<sup>67</sup>Muhammad Abu Zahrah (1971), *Muhadarat Fi al-Waqf*, Mesir: Taba'ah al-Thaniah Dar al-Fikr al-Arabi, h. 115.

<sup>68</sup>Shamsudin al-Saraksi (t.t), *al-Mabsut*, j. 12. Mesir: Matba'ah al-Saadah, h. 26.

<sup>69</sup>Wahbah al-Zuhayli (1405H/1985), *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, j. 8, h. 188-189.

<sup>70</sup>al-Bukhari (t.t), *Sahih*, j. 3. t.tp: t.pc, h. 230.

<sup>71</sup>Syarbini (1377H), *op.cit.*, j. 2, h. 378.

<sup>72</sup>Wahbah al-Zuhayli (1405H/1985), *op.cit.*, j. 8, h. 163

<sup>73</sup>*Ibid*, h. 184-186.

<sup>74</sup>-Syarbini (1377H), *op.cit.*, j. 2, h. 396.

<sup>75</sup>al-Sanhuri (1368H/1949), *al-Qawāniñ al-Misriyyah al-Mukhtasar min al-Fiqh al-Islami*, j.3. Kahirah: Musahimah Misriyah, h. 217.

<sup>76</sup>Ibn-Qudamah (t.t), *op.cit.*, j.5, h. 515.

<sup>77</sup>*Ibid*.

<sup>78</sup>al-Sharbini (1377H), *op.cit.*, j. 2, h. 393.

<sup>79</sup>*Ibid*.

<sup>80</sup>Wahbah al-Zuhaili (1405H/1985), *op.cit.*, j. 8, h. 226.

<sup>81</sup>Sayyid Sabiq (1391H), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3. Beirut: Dār al-Kitab Arabi, j. 3, h. 532.

<sup>82</sup>al-Shawkani (1384H/1964), *Nayl al-Awtar*, j. 6. Mesir: Mustafa al-Babī al-Halabī, h. 30.

<sup>83</sup>Muhammad bin Jamaluddin (t.t), *Makki al-Alami al-Mu'ta al-Dimisyqi*, j. 3. T.tp: t.pc, h. 175.

<sup>84</sup>al-Shirazi (t.t), *al-Muhazzab*, Mesir: Isā al-Babī al-Halabī, h. 440.

<sup>85</sup>al-Syarbini al-Khatib (1377H), *op.cit.*, j. 2, h. 377.

<sup>86</sup>*Ibid*, h.378

<sup>87</sup>al-Ani (1385H/1965), *op.cit.*, j. 3, h. 124.

<sup>88</sup>Muhammad Jawād al-Mughniyah (1964), *Ahwāl al-Sakhsiyah*, Beirut: Darul Malayeen, h. 323.

<sup>89</sup>Zuhdi Yakan (1966), *al-Mukhtarāt Fi al-Waqf*, Beirut: Matba'ah Sam'iya, h. 9.

<sup>90</sup>al-Sanhūrī (1368H/1949), *al-Qawānīn al-Misriyah al-Mukhtasar min al-Fiqh al-Islami*, j. 3, h. 103.

<sup>91</sup>*Ibid.*

<sup>92</sup>Zuhdi Yakan (1966M), *op.cit.*, h. 180.

<sup>93</sup>H. Suparman Usman (1994), *Hukum Pewakafan di Indonesia*, Dar al-Ulum Press, h. 34-35.

<sup>94</sup>Muhammad Jawwad al-Mughniyah (1966), *op.cit.*, h. 326.

<sup>95</sup>al-Syarbīnī al-Khatīb (1377H), *op.cit.*, j. 2, h. 379.

<sup>96</sup>Muhammad Jawwab Mughniyah (1966) *op.cit.*, j. 5, h. 58.

<sup>97</sup>Riduan Awang (1994), *Undang-Undang Tanah Islam Pendekatan perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 380.

<sup>98</sup>Muhammad Abū Zahrah (1385H/1965), *al-Tanzīm al-Islām Lil Mujtama'*, Mesir: Dar Fikr Arabi, h. 169.

<sup>99</sup>Hailani Muji Tahir (1402H/1982), *Baitulmal, Institusi Kewangan Negara Islam*, Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, h. 91.

<sup>100</sup>al-Bukhārī (t.t), *Matan Sahih al-Bukhārī*, j. 12. t.tp:Matba'ah Isā al-Bābī al-Halabī, h. 129.

<sup>101</sup>Zuhdi Yakan (1966), *op.cit.*, h. 21.

<sup>102</sup>Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 497.

<sup>103</sup>al-Anī (1385H/1965), *op.cit.*, j. 3, h. 125.

<sup>104</sup>Muhammad Jawāb Mughniyah (1964), *op.cit.*, h. 332.

<sup>105</sup>al-Mahallī (1956), *Sharh 'alā Minhāj al-Tālibīn*, j. 3. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, h. 109.

<sup>106</sup>Mohd Zin bin Othman (1982), *Islamic Law With Special Reference to the Institution of Waqf*, Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, h. 170,182.

<sup>107</sup>al-Ramli (1967), *Nihāyah al-Muhtāj*, Mesir: Mustaffā al-Bābī al-Halabī, h. 394.

<sup>108</sup>Fasiq adalah orang yang percaya kepada tuhan, tetapi tidak mengerjakan perintah-perintahNya, bahkan berbuat dosa-dosa besar walaupun sekali atau berbuat dosa kecil

---

secara berterusan. Fasiq juga bererti orang yang keluar daripada garisan kebenaran Islam. Lihat dalam, Dr. M. Rawwas Qal'ah Jl, *op.cit.*, h. 346.

<sup>109</sup>Umairah Wa al-Qalyubi (1357H/1938), *op.cit.*, j. 3, h. 109.

<sup>110</sup>*Ibid.*

<sup>111</sup>Ibn Abidin (1399H), *op.cit.*, j. 2, h. 427.

<sup>112</sup>Mohd Zin Othman (1982), *Islamic Law With Special Reference to the Institution of Waqf*, h. 183-184.